

TIDAK BANYAK PERATURAN MENYEKAT
KEGIATAN PELABUR LUAR NEGERI

Keuntungan boleh dibawa keluar kata Dr. Mahathir

TIMBALAN Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tidak banyak terdapat peraturan-peraturan di Malaysia yang menyekat kegiatan para pelabur luar negeri.

Berucap di satu seminar pelaburan di sini anjuran bersama MIDA dan Bank Dresdner, Dato Seri Dr. Mahathir berkata peraturan kawalan pertukaran wang Malaysia mengizinkan modal dan keuntungan keluar masuk ke negara itu dengan bebasnya.

Katanya, bagi tujuan membiayai perusahaan di Malaysia, syarikat-syarikat bukan milik tempatan dibenarkan meminjam hingga \$500,000 dari sumber-sumber dalam negeri tanpa memerlukan sebarang kelulusan pihak berkuasa.

Kelulusan

Pinjaman yang melebihi had tersebut perlu mendapatkan kelulusan pengawal pertukaran wang luar, katanya.

Biasanya, kelulusan bagi tujuan itu mudah diberikan berdasar kepada keperluan yang tulen dari pihak syarikat-syarikat bukan milik tempatan yang berkenaan, katanya.

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian menambah, di samping membenarkan syarikat-syarikat meminjam dari dalam negeri, Kerajaan juga menggalakkan aliran modal jangka panjang dari luar negeri.

Kerajaan mengecualikan cukai penangguhan kepada orang-orang asing yang membuat pinjaman jangka panjang tidak kurang dari tiga tahun tempoh kematangannya.

"Kerajaan juga tidak keberatan mengecualikan cukai seumpama itu kepada pinjaman yang matang dalam tempoh kurang dari tiga tahun jika hasil pinjaman itu digunakan untuk membiayai projek-projek yang telah diluluskan," katanya.

Tentang pemulangan keuntungan dan

MUNICH, Rabu

caruman dividen. Timbalan Perdana Menteri berkata, bagi kebanyakan negara, bayaran untuk perkhidmatan perdagangan, termasuk pemulangan modal dan caruman keuntungan dan dividen boleh dilakukan dengan bebasnya.

Bellau memberitahu para pelabur Jerman, bagi sebuah negara yang muda, Malaysia mempunyai sistem kewangan yang maju dengan 37 buah bank, 20 buah darinya bank tempatan yang mengendalikan 509 buah cawangan di seluruh negara.

Sebagai tambahan kepada 17 bank yang ditubuhkan di luar negeri serta 148 cawangan mereka, terdapat juga 15 bank asing yang menempatkan wakil-wakil mereka di Malaysia.

Katanya, di masa lalu sistem bank di Malaysia merupakan sumber kewangan yang penting bagi perdagangan antarabangsanya.

Hari ini, sistem bank di Malaysia berubah kepada satu sistem yang berorientasikan pemba-

ngunan yang dapat memuaskan kedua-dua keperluan kewangan untuk perdagangan dan pembangunan.

Sejajar dengan keseluruhan matlamat negara, sistem bank di Malaysia telah digesa menyediakan portfolio pinjaman yang lebih seimbang dengan mengutamakan pembiayaan perusahaan, perumahan dan pengeluaran makanan pertanian.

Pengerusi MIDA, Dato Jamil Jan berkata, sektor perkilangan yang telah menjadi salah satu sektor penting dalam ekonomi Malaysia dijangka berkembang lagi di masa-masa akan datang.

Ketika itu, sektor perkilangan menyumbang 19 peratus kepada keluaran kasar dalam negeri dan menjelang 1990 sektor itu dijangka menjadi sektor terbesar dalam ekonomi Malaysia dengan menyumbang 26.2 peratus kepada keluaran kasar dalam negeri.

Katanya, tekanan utama dalam usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi Malaysia ialah meningkatkan lagi pembangunan perindustrian.

No. Siri

2251

No. Penerimaan

427/82

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia